

# PM bidas cubaan pihak Barat burukkan Islam

Oleh **Hardi Effendi Yaacob**

KUCHING: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam membidas cubaan beberapa pihak di Barat memburuk-burukkan Islam di peringkat antarabangsa, termasuk mengaitkannya dengan aktiviti keganasan.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, pihak terbabit juga cuba melaga-lagakan Islam dengan Barat yang dikhuatiri boleh mencestuskan konflik agama.

"Ini perbuatan melampau dan perlu dihentikan segera. Ia tidak adil kepada umat Islam dan penganut agama lain. Jika tidak dibendung, kita bimbang ia boleh mencetuskan suasana tegang dan konfrontasi

agama.

"Mereka turut menyebarkan fitnah bahawa Islam agama yang tidak mengamalkan sikap toleransi selain menggalakkan keganasan. Ini semua tidak betul. Islam adalah agama yang penuh dengan kelembutan dan sentiasa menyeru umatnya berbuat baik sesama manusia.

"Islam amat mementingkan keamanan sejagat dan kehidupan berharmoni," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Majlis Dakwah Islam Serantau Asia Tenggara dan Wilayah Pasifik (Riseap) Ke-12 di sini, semalam.

Hadir sama Presiden Riseap, Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang juga Ketua Menteri Sarawak; Setiausaha Agung Riseap, Datuk Mohamad Taha Ariffin dan Ketua Pergerakan Wanita Riseap, Puan Sri Laila Taib.

Ditubuhkan pada November 1980, Riseap adalah sebuah pertubuhan yang dianggotai 22 negara dalam usaha menyebarkan dakwah Islam di Asia dan Pasifik dengan menggunakan pelbagai pendekatan, termasuk pendidikan.

Presiden Riseap yang pertama adalah Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang juga Bapa Kemerdekaan Malaysia sebelum digantikan oleh Taib pada 1988 hingga kini.

Abdullah berkata, umat Islam perlu melihat bidang pendidikan sebagai elemen penting untuk merancang masa depan mereka dalam usaha menangani cabaran global yang semakin rumit.

Sambil menganggap pendidikan berkualiti sebagai asas kemajuan ummah, Abdullah berkata, ia adalah

pendekatan terbaik untuk menjadikan umat Islam sebagai bangsa berjaya di peringkat antarabangsa.

Beliau memberi contoh kejayaan Malaysia sebagai negara Islam berjaya dengan menubuhkan syarikat minyak Petronas, yang mendapat pengiktirafan antarabangsa kerana memiliki tenaga kerja berilmu.

"Negara Islam kebanyakannya mewah dengan pelbagai sumber asli, termasuklah minyak dan gas. Bagaimanapun, kurangnya penekanan terhadap ilmu pengetahuan menghalang negara terbabit menikmati hasil sumber itu.

"Sebab itulah, kita perlu mementingkan pendidikan berkualiti dalam usaha melahirkan ramai tenaga kerja mahir yang boleh memanfaatkan semua sumber asli yang kita ada. Inilah yang dilakukan Petro-

nas," katanya.

Sementara itu, Taib dalam ucapannya berkata, pertubuhan itu akan menganjurkan dialog khas di Sydney, Australia tahun depan sebagai usaha memperkukuhkan lagi hubungan antara umat Islam dan bukan Islam.

"Kami menjangkakan dialog itu akan disertai umat Islam dan bukan Islam dari Barat, termasuk dari Amerika Syarikat. Dengan cara ini, kita boleh meningkatkan kefahaman mengenai Islam di kalangan peserta.

"Pada masa yang sama, misi utama kita adalah untuk mengekalkan keamanan sejagat dan kehidupan harmoni sejajar dengan usaha pemulihan semula imej Islam yang tercalar akibat aktiviti keganasan," katanya.